

SYARAT PENYERTAAN

1. Terma bagi menyertai cabutan bertuah

1.1. Semua pelanggan (selepas ini disebut sebagai Peserta) syarikat broker NordFX (selepas ini disebut sebagai Penganjur) layak menyertai cabutan bertuah ini secara automatik, jika:

- sudah memiliki akaun yang sah;
- atau membuka akaun dagangan Pro yang baru sepanjang tempoh cabutan bertuah diadakan (rujuk klaus 3.1) dan memenuhi semua syarat-syarat yang dinyatakan pada klaus 1.1.1 dan 1.1.2 sekurang-kurangnya sekali:

1.1.1. Peserta mestilah membuat penambahan dana ke dalam akaun ini dengan jumlah sekurang-kurangnya USD 200 (dua ratus dolar AS) sepanjang tempoh cabutan diadakan.

1.1.2. Setelah membuat penambahan dana, Peserta harus mendapatkan perolehan dagangan dengan jumlah sekurang-kurangnya 2 (dua) lot bagi pasangan mata wang Forex, atau 2 (dua) lot bagi emas, atau 4 (empat) lot bagi perak.

Hanya operasi dagangan yang dibuka selepas dana ditambah ke dalam akaun serta ditutup dalam tempoh cabutan saja akan diambil kira.

Hanya operasi dagangan yang menggunakan pasangan mata wang Forex, emas dan perak saja akan diambil kira.

1.2. Pindahan dana daripada akaun lain yang dibuka Peserta bersama Penganjur tidak dikira sebagai penambahan dana (rujuk klaus 1.1.2.).

Penambahan dana menerusi deposit tempatan adalah dibenarkan.

1.3. Bagi setiap syarat seperti yang dinyatakan dalam klaus 1.1.1 dan 1.1.2 yang dipenuhi, Peserta akan menerima 1 (satu) tiket cabutan maya dengan nombor tetap yang akan diguna untuk menyertai cabutan bertuah.

Jika syarat-syarat tersebut dipenuhi sebanyak dua kali, Peserta akan menerima 2 tiket cabutan bertuah, dsb.

1.4. Tiada had bagi bilangan tiket cabutan bertuah yang boleh diperoleh seseorang Peserta. Lebih banyak tiket cabutan bertuah yang Peserta miliki, lebih tinggi peluang mereka untuk menang hadiah.

1.4.1. Jika seorang Peserta memiliki satu, atau lebih daripada satu akaun PRO, bagi setiap akaun yang memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam klaus 1.1.1 dan 1.1.2 sebanyak sekali atau lebih, mereka akan menerima tiket cabutan bertuah yang sama bilangannya.

1.4.2. Jumlah penambahan seperti yang dinyatakan dalam klaus 1.1.2 adalah tidak terhad, dan boleh dilakukan secara berperingkat.

1.4.3. Bagi menentukan bilangan tiket cabutan bertuah yang akan diagih kepada Peserta, jumlah perolehan dagangan yang dibuat Peserta sepanjang tempoh cabutan ini diadakan akan diambil kira, dan apabila syarat dalam klaus 1.1.2 sudah dipenuhi.

Contoh bagi transaksi menggunakan pasangan mata wang Forex dan juga emas:

1. Penambahan sebanyak USD200 + perolehan dagangan 2 lot = 1 tiket cabutan bertuah
2. Penambahan sebanyak USD200 + 200 USD + perolehan dagangan 4 lot = 2 tiket
3. Penambahan sebanyak USD150 + 50 USD + perolehan dagangan 2 lot = 1 tiket
4. Penambahan sebanyak USD600 + 400 USD + perolehan dagangan 10 lot = 5 tiket
5. Penambahan sebanyak USD600 + 400 USD + perolehan dagangan 6 lot = 3 tiket
6. Penambahan sebanyak USD300 + 500 USD + perolehan dagangan 10 lot = 4 tiket

1.5. Nombor akaun dagangan serta nombor tiket cabutan bertuah setiap Peserta akan dipapar pada laman web rasmi Penganjur di www.NordFX.com, pada halaman yang berkenaan.

1.6. Secara umum, akaun Pro milik pengurus PAMM dan juga penyedia isyarat khidmat CopyTrading juga boleh menyertai cabutan bertuah ini jika mereka memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam klaus 1.1.1 dan 1.1.2.

Deposit ke dalam akaun PAMM oleh pelabur dan pelanggan isyarat dagangan CopyTrading tidak akan diambil kira.

2. Wang kemenangan

2.1. Jumlah keseluruhan hadiah cabutan adalah sebanyak USD 100,000 (seratus ribu dolar AS) dalam bentuk tunai.

2.2. Jumlah keseluruhan wang kemenangan dibahagikan kepada 202 hadiah beserta 4 hadiah utama:

- 140 hadiah bernilai \$250 (berjumlah \$35,000),
- 30 hadiah bernilai \$500 (berjumlah \$15,000),
- 20 hadiah bernilai \$750 setiap satu (berjumlah \$15,000),
- 12 hadiah bernilai \$1,250 (berjumlah \$15,000),
- 4 hadiah utama bernilai \$5,000 setiap satu (berjumlah \$20,000).

<p>2.3. Tiada had bilangan hadiah yang boleh dimenangi seseorang peserta.</p> <p>2.4. Hadiah wang akan dikreditkan ke dalam akaun milik pemenang pada Kabinet Pedagang NordFX mereka dalam tempoh 2 (dua) minggu daripada tarikh cabutan tiket dan pengumuman para pemenang seperti klausula 3.5.</p>
<p>2.5. Hadiah wang akan dikreditkan ke dalam akaun milik pemenang pada Kabinet Pedagang NordFX mereka dalam tempoh 1 (satu) minggu daripada tarikh cabutan tiket dan pengumuman para pemenang.</p>
<p>3. Tempoh, peringkat dan cabutan tiket</p> <p>3.1. Cabutan ini diadakan dari 8 Mac, 2024 sehingga 31 Disember, 2024. Cabutan bertuah ini diadakan dalam tiga peringkat: dua pusingan awal dan satu pusingan akhir. Cabutan tiket dibuat pada penghujung setiap peringkat:</p> <p>Peringkat 1: dari 8 Mac sehingga 30 Jun, tarikh cabutan adalah 8 Julai, 2024, dengan 56 hadiah untuk dimenangi, termasuklah: - 40 hadiah bernilai \$250, - 10 hadiah bernilai \$500, - 5 hadiah bernilai \$750, - 1 hadiah bernilai \$1,250 (Jumlah hadiah terkumpul adalah \$20,000)</p> <p>Peringkat 2: dari 1 Julai sehingga 30 September, tarikh cabutan adalah 8 Oktober, 2024, dengan 56 hadiah untuk dimenangi, termasuklah: - 40 hadiah bernilai \$250, - 10 hadiah bernilai \$500, - 5 hadiah bernilai \$750, - 1 hadiah bernilai \$1,250 (Jumlah hadiah terkumpul adalah \$20,000)</p> <p>Peringkat 3: dari 1 Oktober sehingga 31 Disember, tarikh cabutan adalah 8 Januari, 2025, 94 hadiah untuk dimenangi, termasuklah: - 60 hadiah bernilai \$250, - 10 hadiah bernilai \$500, - 10 hadiah bernilai \$750, - 10 hadiah bernilai \$1,250,</p>

- 4 hadiah utama bernilai \$5,000 setiap satu
(Jumlah hadiah terkumpul adalah is \$60,000).

3.2. Cabutan nombor tiket bertuah akan dibuat menggunakan penjana nombor rawak.

3.3. Tiket-tiket yang diterima para peserta pada satu-satu masa akan dicabut mengikut tarikh cabutan yang telah ditetapkan:

- tiket bertuah yang diterima peserta dari 8 Mac sehingga 30 Jun, 2024 akan menyertai cabutan pada 8 Julai, 2024.
- tiket bertuah yang diterima peserta dari 8 Mac sehingga 30 September, 2024 akan menyertai cabutan pada 8 Oktober, 2024.
- tiket bertuah yang diterima peserta dari 8 Mac sehingga 30 Disember, 2024 akan menyertai cabutan pada 8 Januari, 2025.

3.4. Tiket bertuah yang menang akan dikecualikan daripada klausula 3.3. Ia akan dibatalkan dengan serta-merta dan tidak akan menyertai cabutan hadiah yang berikutnya.

3.5. Keputusan bagi setiap cabutan akan dipapar dalam masa seminggu setelah undian diadakan di laman web rasmi Penganjur pada halaman <https://nordfx.com/company-news>. Selain itu, mengikut budi bicara Penganjur, keputusan yang sama mungkin akan disiar di saluran Youtube rasmi Penganjur dan mungkin turut mengandungi nombor akaun Pro Peserta, nombor tiket bertuah yang dimenangi, serta jumlah kemenangan.

4. Terma lain

4.1. Penganjur cabutan bertuah ini adalah syarikat broker NFX Capital VU INC, beroperasi dengan tanda dagangan NordFX.

4.2. Pekerja NordFX dan keluarga terdekat mereka tidak layak untuk menyertai cabutan bertuah in.

4.3. Penganjur tidak berhak untuk mendedahkan serta menggunakan data peribadi Peserta Cabutan Bertuah bagi tujuan pengiklanan tanpa persetujuan mereka. Pengecualian dibuat ke atas nombor akaun dagangan, nombor tiket bertuah dan nilai kemenangan.

4.4. Pelanggan NordFX yang tidak berminat untuk menyertai cabutan bertuah boleh berbuat demikian dengan menghantarkan emel ke GrandPrix@NordFX.com sepanjang tempoh cabutan bertuah.

4.5. Penganjur berhak untuk mengubah terma dan syarat cabutan bertuah ini, termasuklah hadiah kemenangan, tarikh undian, masa untuk hadiah dikreditkan tanpa sebarang notis terdahulu kepada para peserta, dan menangguhkan sementara cabutan, atau menghentikannya serta-merta.

4.6. Jika Peserta menggunakan kaedah dagangan yang tidak bertanggungjawab (memanipulasi wang deposit/pengeluaran, melakukan penipuan ke atas perolehan dagangan, dsb.) dengan tujuan untuk mendapatkan kelebihan yang tidak munasabah dalam cabutan hadiah, Penganjur berhak mengikut budi bicaranya untuk menyingkirkan Peserta daripada menyertai cabutan bertuah. Tiket bertuah yang diterima peserta itu akan dibatalkan.

- | |
|---|
| 4.7. Jika Pengajur mengambil keputusan untuk menyekat atau membatalkan akaun Pro Peserta kerana melanggar syarat-syarat dan/atau terma dagangan dalam Perjanjian Pelanggan, hadiah kemenangan tidak akan dibayar atau dikreditkan ke dalam akaun berkenaan. |
| 4.8. Pelanggan NordFX dianggap bersetuju sepenuhnya dengan Syarat-Syarat ini jika menyertai cabutan bertuah yang dijalankan oleh pihak Pengajur. |
| 4.9. Jika terdapat sebarang percanggahan maksud dalam syarat-syarat cabutan bertuah yang menggunakan bahasa berbeza, Bahasa Inggeris akan dianggap sebagai bahasa penentu serta versi yang tepat. |

DAGANG, JANA, MENANG!